

08/02/1998

BPA untuk galak dagang serantau

KUALA LUMPUR: Mekanisme Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) akan digunakan untuk menggalakkan perdagangan di antara negara Asean, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mekanisme itu juga akan menggalakkan penggunaan mata wang negara masing-masing dalam urus dagangan bagi mengekang penurunan nilai mata wang di rantau ini.

Bagi merealisasikan kaedah itu, katanya, sebuah jawatankuasa yang dianggotai kementerian berkaitan, dibentuk bagi menyenaraikan komoditi yang berupaya dieksport Malaysia ke negara Asean serta bahan yang boleh diimport dari negara Asean.

"Saya tidak lihat banyak sangat kerumitan kerana hal ini mudah dilakukan berdasarkan pengalaman kita dengan Singapura," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri, semalam.

Langkah itu memperluaskan keputusan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di sini pada 14 hingga 16 Disember lalu dengan ketua negara bersetuju perdagangan antara Asean menggunakan mata wang negara masing-masing bagi menangani masalah kejatuhan nilai mata wang di rantau ini berbanding dolar Amerika.

Pada Sidang Kemuncak Asean-Jepun, 16 Disember lalu Asean juga meminta Jepun mengadakan urusan perdagangan dengan negara anggotanya menggunakan mata wang rantau ini.

Sebelum ini, Asean berhasrat menjalankan urus niaga perdagangan dengan beberapa negara rakan dagang utama seperti India, Pakistan dan China menggunakan mata wang negara masing-masing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sejak tiga hari lalu pula berada di Bangkok, Manila dan Singapura untuk mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya dalam usaha meningkatkan perdagangan antara negara Asean serta membincangkan perkembangan ekonomi serantau.

Anwar berkata, jumlah dagangan di antara Malaysia dan Singapura kini berada pada tahap tinggi dan meningkat serta menggunakan mata wang ringgit dan dollar Singapura.

(END)